

**'Kami juga boleh saman,' kata Zahid kepada Pua**  
**Malaysiakini.com**  
**March 21, 2011**

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan ahli parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua hari ini bertikam lidah di Dewan Rakyat berhubung dakwaan 'perisik Singapura' dan saling cabar mencabar untuk mengheret satu sama lain ke mahkamah.

Zahid semasa penggulungan sesi bahas bagi kementeriannya menolak ugutan Pua untuk menyamannya dan berkata pemimpin DAP itu sepatutnya menghentikan tuduhan liar mengenai perbelanjaan 'ketenteraan' negara.

"Kementerian juga boleh membawa YB (Pua) ke mahkamah juga... kerana mendakwa kerajaan membayar 870 peratus lebih tinggi bagi mendapatkan kapal perang berbanding negara lain yang juga satu tuduhan liar," katanya merujuk kenyataan Pua sebelum ini.

Sebelum itu, Pua berulang-kali cuba mencelah ucapan Zahid supaya kenyataan naib presiden Umno itu yang dilaporkan di Utusan Malaysia, Jumaat lalu, bahawa beliau adalah 'perisik Singapura' yang pernah ditangkap dan didakwa di republik berkenaan ditarik balik.

Pua yang berang dengan kenyataan menteri berkenaan berkata sekiranya kerajaan tidak mempunyai apa-apa untuk disembunyikan berhubung pembelian kelengkapan ketenteraan negara, mereka sepatutnya tampil menjelaskan perbezaan harga yang dibiayai oleh Malaysia berbanding negara lain.